



**TEKS UCAPAN YB TAN SRI YPDN:
MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN KE-60
TAHUN PARLIMEN MALAYSIA**

- 1. Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Haji Mohd Ali ;**
- 2. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Anwar Ibrahim ;**
- 3. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Bin Md. Yusof, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat dan YBhg. Puan Sri Datin Hakimah Binti Hassan**
- 4. Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Datin Dr. Lindai Lee**
- 5. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Ka Siong , selaku wakil Ketua Pembangkang**
- 6. Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat;**
- 7. Dif-dif kehormat ;**
- 8. Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai kanan Parlimen Malaysia, rakan-rakan media serta hadirin sekalian.**

1. Usia 60 tahun Parlimen Malaysia merupakan suatu pencapaian yang membanggakan kerana sepanjang tempoh ini, pada masa yang sama, banyak transformasi positif telah berlaku sehingga hari ini sejak Parlimen bersidang buat pertama kalinya di **Dewan Tunku Abdul Rahman yang kini dikenali sebagai Kompleks Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC)**.
2. Pembinaan bangunan Parlimen ini telah menelan belanja sebanyak RM18 juta pada 1962. Ia telah menjadi saksi kepada pelbagai acara bersejarah Negara, dari meluluskan **pembentukan Malaysia pada tahun 1963**, kepada **pemisahan Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965**, dan membincang dan meluluskan **Dasar Ekonomi (DEB)**; serta menjadi **Ibu Pejabat Mageran (Majlis Gerakan Negara)**.
3. Apa yang nyata ialah Parlimen Malaysia berjaya memainkan perannya sebagai sebuah institusi penting yang terus-menerus menegakkan prinsip demokrasi dalam sistem pemerintahan negara.
4. Sitting of the Dewan Negara (Senate) of the First Parliament of the Federation of Malaya on 11th September 1959, and today with us celebrating its 60th anniversary, marks a landmark and defining moment in the history of our August House in the sense that it is a demonstration of our commitment and dedication to the principles of Parliamentary democracy for the past 60 years.
5. Malahan dengan suasana politik kita pada masa sekarang sepertimana yang diketahui semua, saya sesungguhnya berpendapat sambutan ulang tahun ke-60 institusi kita adalah peluang bukan sahaja untuk mengesahkan komitmen kita kepada nilai-nilai dan objektif-objektif di mana institusi Parlimen ini diasaskan tetapi juga untuk

mengambil langkah pragmatik dan maju ke hadapan dengan langkah-langkah pembaharuan yang dapat memperkukuhkan nilai-nilai demokratik serta menambahbaik kepercayaan serta keyakinan rakyat kepada kita.

DEWAN NEGARA

Yang Amat Berhormat Tun, Ahli-ahli Yang Berhormat, Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Walaupun, 60 tahun telah berlalu sejak Sidang Pertama Dewan Negara pada 11hb September 1959 yang lalu, tetapi malangnya suara-suara untuk pemansuhan Senat tidak pernah lena. Namun demikian ramai juga berpendapat bahawa kepentingan rakyat akan lebih jitu dipertahankan oleh Dewan Negara yang diperbaharui.
7. Saya secara jujur, berpendapat kebolehan Dewan Negara untuk memainkan peranan semak dan mengimbang akan menyumbang secara langsung ke arah usaha memperkasakan institusi perundangan negara. Ini dibolehkan kerana Dewan Negara mempunyai "**greater independence and party-political detachment than the first chamber**". **Dewan Negara bukan tempat untuk kita mempraktikkan politik kejumudan.**

AGENDA REFORMASI DEWAN NEGARA

Yang Amat Berhormat Tun, Ahli-ahli Yang Berhormat, Hadirin yang saya hormati sekalian;

8. Dalam rangka meningkatkan lagi fungsi Parlimen Malaysia, Reformasi Parlimen yang dilaksanakan bermula pada tahun 2018 adalah bertujuan untuk penambahbaikan fungsi dan pentadbiran sedia ada. Pertama sekali, saya ingin berterima

kasih kepada Yang Amat Berhormat Tun dan kabinet kerana membenarkan Jawatankuasa tersebut ditubuhkan.

9. Pembentukan Jawatankuasa Kerja Reformasi Parlimen dilihat sebagai satu usaha untuk mengukuhkan fungsi sebenar Dewan Negara dan seterusnya memenuhi potensi objektif penubuhan Dewan Negara.
10. Sembilan syor telah dikenalpasti dan dikemukakan di dalam laporan jawatankuasa kerja tersebut. Ianya menyentuh pelbagai aspek bagi mengukuhkan lagi kebebasan Parlimen dan menambahbaik peranan Dewan Negara.
11. **Malahan agenda reformasi ini bukan sesuatu yang baru tetapi telah pun dicadangkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Reid.** Laporan Suruhanjaya tersebut sejak dari peringkat awal lagi memperingatkan bahawa Dewan Negara, **pada suatu masa nanti di masa hadapan**, kerajaan perlu mengkaji dan mempertimbangkan untuk memperkenalkan sistem pemilihan terus oleh rakyat khususnya yang mewakili negeri-negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan.
12. Ini diperkukuhkan lagi dengan cadangan Suruhanjaya ini supaya Parlimen perlu mempertimbangkan untuk mengurangkan jumlah ahli yang dilantik atau memansuhkan mereka pada suatu masa nanti.
13. Inisiatif pembaharuan Dewan Negara tidak bertujuan untuk mengubah DNA Parlimen yang sedia ada tetapi lebih kepada untuk memastikan Senat memenuhi potensi atau cita-cita yang dimaksudkan. Oleh itu, usaha mulia pembaharuan ini adalah jelas, iaitu untuk memperbaiki dan memantapkan Dewan Negara demi untuk memainkan

peranan menyemak dan mengimbang (check and balance) dengan lebih padu dan efektif.

14. Bagi memastikan agenda reformasi Parlimen ini berjaya, ia perlu dilaksanakan berdasarkan semangat Perlembagaan Persekutuan. Dan kita juga akui bahawa sesuatu pembaharuan merupakan suatu proses yang panjang yang memerlukan komitmen berterusan agar dapat direalisasikan sepenuhnya.
15. Namun demikian, saya pasti jika parti-parti politik benar-benar komited untuk mencapai reformasi yang berkekalan maka satu-satunya jalan realistik ke depan adalah untuk bekerjasama demi mengatasi masalah kurangnya keyakinan terhadap sistem kerajaan itu sendiri.
16. **Tambahan pula, didasarkan dengan niat yang murni dan dipandu dengan semangat yang melatari pembinaan negara ini, tiada sebab mengapa agenda ini tidak dapat kita capai untuk kebaikan negara yang kita cintai ini.**
17. Dalam kesempatan ini, ingin saya menyatakan bahawasanya saya amat berbangga dengan kesungguhan yang dilakukan oleh pihak-pihak terlibat termasuk kakitangan Parlimen sendiri untuk melihat Dewan Negara memainkan peranannya secara positif di dalam sistem demokrasi berperlembagaan di Malaysia.

PENUTUP

Yang Amat Berhormat Tun, Ahli-ahli Yang Berhormat, Hadirin yang saya hormati sekalian,

18. Saya juga ingin memperingatkan kepada kita semua berada disini, sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja

Berperlembagaan ini adalah legasi peninggalan pemimpin-pemimpin terdahulu kita, hasil daripada perjuangan oleh para pejuang kemerdekaan kita atau our founding fathers.

19. Demi mempertahankan legasi peninggalan ini dan dalam usaha kita untuk melaksanakan amanah rakyat, kita sebagai warga institusi demokrasi ini, hendaklah sentiasa menjunjung kemuliaan serta kedaulatan Parlimen ataupun parliamentary sovereignty, supaya keperluan dan aspirasi generasi masa depan tanahair ini adalah terjamin.

20. Dalam menyambut ulang tahun ke-60 Parlimen tahun ini, kita juga harus menyedari pengorbanan luar biasa bagi mereka yang berada dalam institusi ini sebelum kita, pengorbanan yang memberi kita peluang untuk berada di sini pada hari ini. Kepada mereka kita berhutang budi buat selama-lamanya.

21. Saya sesungguhnya berharap inisiatif – inisiatif dibawah agenda reformasi Parlimen dapat diterjemahkan kearah meningkatkan reputasi Parlimen sebagai institusi yang mempertahankan kepentingan rakyat dan menjunjung nilai-nilai demokrasi. Saya pasti ini akan memperhebatkan lagi keyakinan rakyat terhadap sistem Demokrasi Berparlimen Negara kita.

22. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk merakamkan penghargaan saya kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang dalam menjayakan Majlis Makan Malam Sempena Sambutan ke-60 tahun Parlimen Malaysia.

Sekian, terima kasih.

